



EMOSI SEBAGAI ANTAGONIS DALAM *BAD GENIUS* (2017)

Emotion as An Antagonist in Bad Genius (2017)

Nor Ain Shafiqah Shafie¹, Ayu Haswida Abu Bakar^{1*}

¹ College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA, 40150 Shah Alam, Malaysia

*Corresponding Author Email: ayu330@uitm.edu.my

Received: 21 June 2023 • Accepted: 21 April 2024 • Published: 30 April 2023

Abstract

Emotion refers to an individual's reaction and response to a particular situation or environment, which is deeply influenced by the socio-cultural context of the community. This emotional response is closely related with one's thoughts and behavior. In the context of cinematic exploration, Bad Genius (2017) is a Thai film inspired by a true story. This study employs a qualitative approach that focuses on textual analysis, which centers on the film's narrative elements focuses on the character of Lynn. The study draws on an emotional conceptual theoretical framework to identify and analyze the dominant emotion that functions as an antagonist drive, capable of transforming the main character from a good genius student to a bad genius student. The findings of the study conclude that only five types of emotions are identified in Lynn's character in Bad Genius (2017). Among these five types of emotions, anger is identified as the dominant and significant emotion that successfully becomes a variable in Lynn's character, leading her from being a good genius to a bad genius. The implications of this study extend to the understanding of how emotions shape character development in cinematic narratives.

Keywords: Southeast Asian Cinema; Thailand Cinema; Film and Emotion; Film and Narrative; Antagonist

Abstrak

Emosi merujuk kepada reaksi dan respons individu terhadap situasi atau persekitaran tertentu, yang sangat dipengaruhi oleh konteks sosial-budaya masyarakat. Respons emosi ini berkait rapat dengan pemikiran dan tingkah laku seseorang. Dalam konteks penjelajahan sinematik, *Bad Genius* (2017) merupakan filem Thailand yang diilhamkan daripada kisah benar. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menumpukan kepada analisis teks, yang menumpukan kepada elemen naratif filem serta watak Lynn. Kajian ini menggunakan kerangka teori emosi sebagai instrumen pengumpulan data kajian. Untuk mengenal pasti dan menganalisis emosi dominan yang bertindak sebagai pendorong utama terhadap perubahan perwatakan watak utama daripada pelajar genius yang baik

kepada pelajar genius yang jahat. Dapatan kajian menyimpulkan bahawa hanya terdapat lima jenis emosi yang dikenal pasti dalam watak Lynn dalam *Bad Genius* (2017). Di antara kelima jenis emosi ini, emosi marah dikenal pasti sebagai emosi dominan dan penting yang berjaya menjadi pembolehubah dalam watak Lynn, menjadikannya dari pelajar genius yang baik kepada pelajar genius yang jahat. Implikasi kajian ini meluas kepada pemahaman tentang bagaimana emosi membentuk perkembangan watak dalam naratif sinematik.

Kata kunci: Sinema Asia Tenggara; Sinema Thailand; Filem dan Emosi; Filem dan Naratif; Antagonis

Cite as: Shafie, N.A.S, & Abu Bakar, A.H (2024). Emotion as An Antagonist in *Bad Genius* (2017). *Asian People Journal*, 7(1), 50-59.

PENGENALAN

Emosi merujuk kepada proses minda yang dipengaruhi aspek sosiologi seperti pengalaman, budaya, kepercayaan, adat budaya dan masyarakat setempat. Maka dengan ini emosi berfungsi sebagai bahasa dalaman individu yang berkait rapat dengan tindak balas luaran atau fizikal.

Bad Genius (2017) sebuah filem pecah panggung Thailand berjaya memenangi penghargaan di peringkat antarabangsa seperti *Best Picture-Thriller Features* dari *Austin Fantastic Festival* serta *Best Film*, *Best Asian Feature* dan *Most Innovative Feature Film* dari *Fantasia International Film Festival*, dan *Best Director* dari *Fantasia International Film Festival*. Filem arahan Nattawut Poonpiriya ini diinspirasikan dari kisah dan masalah sebenar yang berlaku dalam sistem pendidikan Thailand. Naratif filem yang dihasilkan melalui penulis skrip Tanida Hantaweewatana dan Vasudhorn Piyaromna mengangkat masalah ini melalui konsep “*Bad*” dan “*Genius*” atau jahat yang cerdas. Justeru, konsep “*Bad*” dan “*Genius*” berfungsi sebagai penggerak cerita yang menyumbang kepada kritikan sosial terhadap sistem pendidikan Thailand.

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang bersifat kajian teks. Objektif dan penumpuan kajian ini adalah mengkaji emosi dominan yang menjadi penggerak serta penyumbang utama terhadap kemenjadian watak sebagai seorang yang mengangkat konsep jahat yang cerdas atau *bad and genius*. Justeru kajian ini menyumbang kepada kelompangan kajian sinema Asia Tenggara yang menjurus kepada Emosi sebagai Antagonis khususnya sinema Thailand.

KAJIAN LITERATUR

Teori Emosi

Teori emosi ialah pernyataan yang boleh diuji tentang bagaimana emosi boleh berlaku. Iye et al. (2020), mengatakan bahawa para ahli emosi telah mengemukakan beberapa teori dalam upaya menjelaskan timbulnya gejala emosi. Salah satunya adalah teori emosi klasik dua faktor Schacter-Singer yang berorientasi pada rangsangan.

Pada Schachter dan Singer emosi terbahagi kepada dua faktor. Pertama emosi melalui proses gabungan rangsangan autonomi yang disebabkan oleh apa sahaja perkara yang berlaku. Kedua, emosi melalui proses

pengalaman dari segi situasi semasa (Scarantino & De Sousa, 2018). Tambah beliau, melalui teori James-Lange - yang diformulasikan oleh ahli psikologi William James dan Carl Lange – menyatakan bahawa emosi berlaku akibat tindak balas fisiologi terhadap sesuatu peristiwa. Melalui teori ini, ia menegaskan bahawa emosi adalah perasaan yang dibentuk oleh persepsi perubahan dan menyumbang kepada tindak balas dari tingkah laku individu. Seterusnya, Opir et al. (2021), mengatakan teori emosi dua faktor Schacter-Singer merujuk kepada perasaan individu terhadap mencari jawapan pada situasi yang akan membantunya dengan memahami apa yang sedang dirasakannya. Schachter dan Singer mengatakan bahawa individu yang merasakan sesuatu emosi akan membentuk keyakinan tentang apa yang dirasa menyebabkan kognisi ini akan menjadi suasana emosional yang tertentu.

Meyers (dalam Sreeja & Mahalakshmi, 2017), berpendapat bahawa emosi merangkumi personaliti, watak, perangai dan inspirasi sebagai parameter psikologi utama yang mendorong emosi manusia. Sreeja dan Mahalakshmi (2017), bersependapat dan mengatakan bahawa emosi boleh ditakrifkan sebagai keadaan kepercayaan yang menyumbang kepada konsep pemikiran dan kelakuan individu.

Jenis - Jenis Emosi

Ahmad @ Aziz dan Ismail (2017), mengatakan bahawa jenis emosi secara umum adalah seperti takut, marah dan sedih. Emosi positif dan emosi negatif merupakan dua keadaan emosi yang berbeza. Justeru merujuk kepada klasifikasi jenis emosi, satu tindak balas manusia yang mengancam kehidupan dan *survival* dirinya serta orang sekitarnya apabila berhadapan dengan sesuatu. Contohnya, apabila berdepan dengan perkara yang berbahaya dan memudaratkan menyebabkan manusia akan berasa takut. Pada Ahmad @ Aziz dan Ismail (2017), jenis emosi seperti marah, sedih, malu, takut, berani, dan benci merupakan bangkitan perasaan dalaman seseorang kerana hasil dari tindak balas sesuatu keadaan, peristiwa mahupun pengalaman hidup yang mereka alami. Maka, emosi-emosi ini telah menjadi penghalang kepada pembentukan individu apabila berhadapan dengan situasi yang mengganggu fikiran dan jiwanya kerana berpunca daripada jiwa manusia yang lemah.

Yahaya et al. (2015), mengatakan bahawa emosi terdiri daripada beberapa bentuk yang terdapat dalam diri manusia. Emosi juga dikatakan warna efektif kerana menyertai setiap keadaan atau perilaku individu. Suatu situasi tertentu yang dihadapi merupakan perasaan yang dialami seperti bahagia, gembira, benci, terkejut dan putus asa. Sebaliknya Wan Mohd Zain (2015) mengatakan emosi agak sukar dikaji kerana tanda luaran iaitu tersurat tidak memberikan gambaran yang jelas tentang emosi sebenar (tersirat) yang dialami oleh seseorang. Hal ini kerana, sikap manusia adalah berbeza kerana ada sesetengah manusia yang suka memendam emosinya bahkan ada manusia yang mahu berkongsi rasa mahupun emosinya dengan orang lain. Emosi yang ditafsir juga mempunyai kekeliruan kerana terdapat manusia yang tidak ikhlas menunjukkan emosinya yang sebenar. Justeru, ahli-ahli teori emosi telah menetapkan ciri yang boleh mengkategorikan tingkah laku emosi manusia. Antaranya ialah emosi diuji oleh peristiwa yang khusus. Hal ini demikian kerana, suatu emosi berlaku disebabkan rangsangan yang khusus. Sebagai contoh, emosi sedih wujud ketika berlakunya kematian mahupun perpisahan.


Selain itu, emosi biasanya bertahan lama kerana sekiranya sesuatu emosi yang sudah ada dalam diri seseorang walaupun rangsangannya sudah tiada namun emosi tersebut mampu bertahan lama. Tambahan pula, sesuatu emosi akan membawa kepada emosi yang lain. Hal ini kerana, sesetengah emosi yang dirasakan akan menguji kepada bentuk emosi yang lain. Sebagai contoh, emosi simpati seseorang boleh bertukar menjadi sayang mahupun cinta kepada individu tersebut seperti yang diperkatakan oleh Wan Mohd Zain (2015).

Walaubagaimanapun, menurut Niedenthal dan Ric (2017) "*emotion is a basic*". Di mana sifat emosi yang hadir adalah bersifat asas. Ini adalah kerana emosi dikatakan atau direalisasikan melalui tingkah laku manusia.

Penunjukan rasa yang dialami serta perbuatan yang dilakukan boleh menggambarkan emosi seseorang itu sama ada dalam sesuatu keadaan seperti ketakutan, kesedihan mahupun kegembiraan. Kriteria “*emotion is a basic*” merujuk kepada ekspresi bersifat universal. Merujuk kepada *discrete physiology, presence in other primates and automatic appraisals*. Yang bersifat satu bentuk emosi seperti kegembiraan, kesedihan, cemburu dan rasa bersalah.

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini merupakan kualitatif. Kaedah kajian merujuk kepada analisis tekstual filem *Bad Genius* (2017) (Rajah 1). Fokus atau koding kajian adalah watak Lynn iaitu salah satu watak utama dalam filem ini. *Variabel* atau pemboleh ubah yang digunakan sebagai instrumen pengumpulan data adalah emosi perwatakan yang dikenal pasti dalam diri watak. Justeru, variabel ini bertindak sebagai kerangka teori kajian. Di mana proses ini menyumbang kepada penemuan emosi dominan yang bertanggungjawab menyumbang sebagai unsur negatif atau antagonis pada watak dan perwatakan Lynn.




Rajah 1: Reka bentuk kajian: Kualitatif -Tekstual analisis ekspresi emosi dominan sebagai antagonis dalam *Bad Genius* (2017)

Kerangka Teori Konseptual

Kerangka teori konseptual kajian ini dibina dari tiga konsep. Pertama, Teori Dua Faktor Schater dan Singer (Scarantino & De Sousa, 2018) menghuraikan emosi merujuk kepada tindakbalas pengalaman individu dari pengalaman dan suasana semasa. Kedua, Teori Emosi James-Lange (dalam Sreeja & Mahalakshmi, 2017), menyatakan bahawa emosi dijana dari suasana atau keadaan sekeliling. Penjanaan ini menyumbang kepada pembentukan tingkah laku, personaliti dan pemikiran individu pada keadaan tersebut. Ketiga, teori *emotion is a basic* oleh Cannon-Bard (dalam Niedenthal & Ric, 2017), menyimpulkan bahawa emosi dibahagikan kepada sembilan emosi asas, iaitu gembira, sedih, cemburu, bersalah, takut, marah, malu, bangga dan gelisah.

Merujuk pada rajah 2, proses mengenalpasti jenis emosi yang wujud pada watak Lynn (fokus kajian) akan menyumbang kepada penemuan emosi bersifat antagonis dominan yang berfungsi sebagai penggerak utama terhadap pembentukan personaliti dan tingkah laku watak Lynn. Sifat antagonis dominan ini akan menyumbang kepada *narrative driven* atau penggerak cerita secara keseluruhan naratif filem *Bad Genius* (2017)



Rajah 2: Kerangka teori konseptual emosi watak - Ekspresi emosi dominan sebagai antagonis dalam *Bad Genius* (2017)

METODOLOGI KAJIAN

Naratif a bentuk penyelidikan berpusat pada analisis teks, kaedah yang biasa digunakan dalam penyelidikan kualitatif untuk meneliti kandungan teks untuk corak, tema, dan makna. Dalam kajian ini, analisis teks digunakan untuk merungkai unsur naratif *Bad Genius* (2017) dan membongkar perjalanan emosi protagonis, Lynn. Sumber data utama untuk kajian ini ialah filem *Bad Genius* itu sendiri. Pelbagai tontonan filem dijalankan untuk memastikan pemahaman yang menyeluruh tentang dinamik naratif dan watak. Nota terperinci diambil semasa setiap tontonan untuk menangkap detik penting, dialog dan isyarat visual yang mencerminkan pengalaman emosi Lynn. Fokus analisis adalah pada watak Lynn dan trajektori emosinya sepanjang filem. Oleh itu, pensampelan bertujuan digunakan, menyasarkan adegan dan interaksi tertentu yang melibatkan Lynn yang dianggap penting kepada penerokaan perjalanan emosinya.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Naratif *Bad Genius* (2017), konsep cerita yang diangkat adalah isu peniruan di kalangan pelajar sekolah. Ia merujuk kepada penceritaan atau plot peniruan dalam sistem pendidikan Thailand.

Sinopsis Lynn

Rinrada Nilthep atau Lynn, datang dari keluarga sederhana atau kelas pertengahan bawah. Dibesarkan oleh bapa

tunggal. Pelajar tahun akhir. Seorang pelajar bijak dan mendapat keputusan cemerlang sejak gred tujuh sehingga sembilan. Dia pernah memenangi tempat pertama dalam pertandingan matematik peringkat daerah, juara silang kata kebangsaan dan mendapat pingat untuk sukan renang.

Atas rasa simpati dia membantu Grace dalam peperiksaan gred sepuluh sehingga Grace berjaya peroleh markah tinggi. Rentetan dari sini, Lynn diminta dan dipujuk oleh teman lelaki Grace, Pat serta rakan Grace dan Pat untuk membantu mereka mendapat gred tinggi dan lulus dalam peperiksaan. Pada awalnya Lynn menolak, tetapi akhirnya bersetuju setelah Pat berjanji dia akan dibayar sebanyak 3000 Baht bagi satu subjek. Persetujuan ini menyumbang kepada aktiviti peniruan di dalam peperiksaan. Lynn kecewa apabila biasiswaanya ditarik setelah aktiviti peniruan terbongkar. Sungguhpun begitu, Lynn tidak serik dan menerima tawaran dari Grace untuk bantuan yang sama di dalam peperiksaan ujian *an international standardised test for university admissions* atau STIC.


Jenis – Jenis Emosi Asas Sebagai Penggerak Watak Lynn

Berdasarkan kerangka teori konseptual emosi yang dibina, asas emosi individu adalah sembilan jenis. Sungguhpun begitu, merujuk kepada jadual 1, emosi asas yang dikenali pada watak Lynn di dalam *Bad Genius* (2017) adalah lapan jenis. Iaitu gembira, sedih, cemburu, bersalah, takut, marah, bangga dan gelisah.

Jadual 1: Jenis Emosi sebagai Penggerak Watak Lynn

Emosi	Lynn
1) Gembira	-Melihat kejayaan rakan dalam peperiksaan hasil dari usaha dan bantuan dia.
2) Sedih	- Penceraian ibu dan bapa. -Amalan dan budaya diskriminasi pihak pengurusan sekolah. -Melihat ketidakupayaan rakan dari golongan bawahan di sekolah melawan terhadap sistem ini.
3) Cemburu	-Bank (rakan sekelas) mendapat biasiswa dan dia tidak.
4) Bersalah	- Bank dipukul kerana dia (Lynn) pentingkan diri. - Perbuatan meniru dalam peperiksaan STIC - Membohongi ayahnya yang memandang tinggi, bangga dan menaruh harapan yang tinggi terhadap masa depan dia.
5) Takut	- Bimbang akan aktiviti peniruan STIC di Sydney terbongkar.
6) Marah	- Kecewa terhadap sistem dan budaya diskriminasi oleh pengurusan sekolah. Merujuk kepada layanan istimewa terhadap pelajar dari golongan atasan dan kaya. -Budaya masyarakat yang pentingkan keputusan baik dan cemerlang sebagai penanda aras masa depan yang baik. - Sistem pendidikan yang merujuk kepada <i>an international standardised test for university admissions</i> atau STIC sebagai tanda aras untuk memasuki ke universiti. - Ditipu dan dikhianati rakan sekelas.
7) Malu	Tiada
8) Bangga	-Dipanggil cikgu Lynn
9) Gelisah	- Risau komplot dan perancangan meniru STIC dalam dewan periksa di Sydney berjaya dikesan.

Justeru, tiada emosi malu ditunjukkan oleh watak Lynn dalam *Bad Genius* (2017). Walaubagaimanapun, merujuk kepada Jadual 1 dan Rajah 3, daripada lapan jenis emosi yang dikenalpasti, hanya lima emosi sahaja dilihat berfungsi sebagai penggerak watak Lynn. Iaitu sedih, cemburu, marah, bersalah dan gelisah.



Rajah 3: Emosi asas watak Lynn - Ekspresi emosi dominan sebagai antagonis dalam *Bad Genius* (2017)

Emosi Sedih

Konsep emosi sedih watak Lynn dalam *Bad Genius* (2017) terbahagi kepada dua situasi. Pertama, situasi kehilangan ibu. Penceraian ibu dan bapa menjadikan dia sedih bersifat kecewa. Sungguhpun begitu, Lynn terpaksa menerima kenyataan itu. Emosi sedih yang bersifat kehilangan didasari dari rasa rindu yang tidak dapat dia kawal. Unsur emosi sedih yang bersifat kecewa dan kehilangan ini menyumbang kepada apa yang dimiliki sebagai sebuah keluarga tidak lengkap.

Kedua, emosi sedih Lynn merujuk sistem pengurusan yang diamalkan oleh sekolahnya. Emosi sedih ini diangkat oleh rasa kecewa terhadap diskriminasi pelajar oleh pengurusan sekolah yang mengutamakan pelajar dari golongan atasan dan kaya. Rentetan dari amalan budaya ini menyumbang kepada rasa ketidakupayaan pelajar sekolah dari golongan biasa untuk melawan.

Emosi Cemburu

Emosi cemburu Lynn diangkat melalui unsur rasa marah dan sedih. Emosi cemburu ini dipresentasi apabila biasiswa melanjutkan pelajar di Singapura Lynn ditarik dan diberikan kepada Bank apabila aktiviti peniruan peperiksaan dia terbongkar.

Emosi Marah

Konsep emosi marah Lynn dikategori sebagai agresif. Unsur emosi ini diangkat melalui rasa kecewa terhadap sistem dan budaya yang diamalkan oleh sekolah. Merujuk kepada layanan istimewa terhadap pelajar dari golongan atasan dan kaya. Kedua, terhadap budaya masyarakat yang pentingkan keputusan peperiksaan yang baik dan cemerlang sebagai jaminan dan tanda aras masa depan yang baik untuk anak-anak.

Ketiga, sistem pendidikan yang merujuk kepada *an international standardised test for university admissions* atau STIC. Mereka perlu lulus kerana STIC adalah penanda aras untuk dia dan rakan-rakan sekolah menyambung pelajaran ke peringkat universiti. Keempat, perasaan ditipu dan dikhianati oleh rakan sekelas. Kesan dari sini, Lynn menjadi tegas dengan apa yang diinginkan. Khususnya apabila keinginan dia untuk berhenti dari aktiviti peniruan ini tidak dihormati. Sungguhpun begitu, marah yang bersifat agresif ini menjadi ironi apabila Lynn akhirnya bersetuju untuk meneruskan kegiatan ini, setelah dipujuk dan diumpam dengan wang upah yang banyak. Malah aktiviti peniruan ini menjadi lebih serius dan berat yang melibatkan global, berbanding sebelum ini yang hanya di peringkat sekolah.

Emosi Bersalah

Emosi bersalah pada watak Lynn adalah bersifat *personal guilt* dan *personal shame* walaupun aktiviti peniruan ini dilakukan secara berkumpulan. *Personal guilt* diangkat melalui rasa penyesalan beliau terhadap apa yang berlaku, baik kepada 'kemusnahan' masa depan diri sendiri dan rakan. Mahupun terhadap kesan yang menimpa ayahnya kesan dari perbuatan dia. Kesan dari emosi bersalah, Lynn tidak ingin meneruskan aktiviti ini.

Manakala *personal shame* diangkat melalui aspek moral. Dia sebagai pelajar paling pintar di sekolah, calon utama untuk biasiswa ironinya melakukan aktiviti peniruan di dalam peperiksaan. Aspek moral ini menjadi lebih genting lagi apabila dia sanggup terlibat dalam aktiviti meniru ini demi kerana upah yang tinggi.

Emosi Gelisah


Konsep emosi gelisah Lynn dikategorikan sebagai resah, tidak tenteram, khuatir, tidak tenang dan cemas. Emosi ini direpresentasi ketika Lynn melaksanakan aktiviti peniruan STIC di Sydney, Australia. Emosi gelisah mengakibatkan dia mengerjakan sesuatu dengan terburu-buru atau tergesa-gesa. Hal ini dapat dilihat ketika dia terkejut melihat pegawai peperiksaan melakukan pemeriksaan pada tubuh pelajar sebelum masuk ke dalam dewan peperiksaan. Gelisah juga menjadikan Lynn cemas, takut dan risau. Hal ini dilihat ketika dalam dewan peperiksaan STIC di Australia.

Emosi Dominan Antagonis Terhadap Watak Lynn

Merujuk kepada lima emosi asas yang telah dikenal pasti pada watak Lynn (rujuk Rajah 3) - iaitu, sedih, cemburu, marah, bersalah dan gelisah – berfungsi sebagai penggerak utama dan pemboleh ubah terhadap watak dan perwatakan Lynn. Justeru membentuk beliau sebagai watak utama dalam aktiviti komplot peniruan STIC di sekolah itu. Hasil dari menelitan lima emosi asas yang dikenalpasti pada Lynn, emosi marah menyumbang kepada emosi dominan dalam proses pembentukan Lynn ke arah tingkah laku bersifat negatif atau tidak moral.

Emosi marah ini dijana melalui pertama unsur kecewa dan benci terhadap sistem dan budaya diskriminasi yang diamalkan di sekolah. Di mana layanan istimewa terhadap pelajar dari golongan atasan dan kaya. Kedua, marah terhadap budaya masyarakat yang pentingkan keputusan peperiksaan yang baik dan cemerlang sebagai jaminan dan tanda aras masa depan yang baik untuk anak-anak. Ketiga, marah kepada sistem pendidikan yang merujuk kepada STIC, sebagai tanda aras kemasukan ke universiti di Thailand.

Sungguhpun begitu, unsur marah yang kedua dan ketiga berfungsi sebagai unsur pemangkin dominan terhadap emosi marah Lynn. Justeru membentuk dan mengawal Lynn sebagai seorang yang tidak bermoral. Kesan dari rasa marah kedua dan ketiga ini Lynn sanggup dan berani menerima upah untuk membantu dan menjadi dalang kepada aktiviti peniruan peperiksaan baik di peringkat sekolah mahupun di peringkat antarabangsa yang merujuk kepada STIC.



Rajah 4: Emosi marah - Ekspresi emosi dominan sebagai antagonis dalam *Bad Genius* (2017)

Justeru, emosi marah berjaya menjadi pemboleh ubah kepada perwatakan Lynn dari seorang pelajar paling pintar yang dikagumi melalui konsep '*good genius*', kepada seorang pelajar pintar yang bermoral rendah melalui konsep '*bad genius*'. Oleh yang demikian, emosi marah ini menyumbang kepada perubahan watak Lynn dari *good genius* kepada *bad genius*. Secara konotasi ia bertindak sebagai emosi bersifat antagonis dan berfungsi sebagai kritikan sosial terhadap budaya masyarakat setempat dan sistem sistem pendidikan di Thailand.

KESIMPULAN

Emosi asas atau *emotion is a basic* dari sembilan jenis emosi hanya lima sahaja dikenalpasti pada perwatakan Lynn di dalam *Bad Genius* (2017). Iaitu emosi sedih, cemburu, marah, bersalah dan gelisah. Justeru, dari kelima-lima jenis emosi ini, emosi marah dikenal pasti sebagai emosi dominan yang berjaya menjadi pemboleh ubah terhadap perwatakan Lynn dari seorang *good genius* kepada *bad genius*. Justeru, menyumbang kepada pembentukan watak Lynn sebagai seorang figura bermoral rendah yang sanggup menipu dan mengambil upah menipu dalam peperiksaan.

Indeks emosi marah berfungsi sebagai konotasi penentangan watak Lyn terhadap amalan budaya dan pemikiran masyarakat dan sistem pendidikan Thailand yang mementingkan peperiksaan atau *exam oriented* dan STIC sebagai penanda aras ke universiti. Justeru, emosi marah pada Lyn menyumbang kepada unsur antagonis dan menyumbang kepada pembentukan perwatakan Lynn dari seorang pelajar yang *good genius* kepada seorang pelajar *bad genius*.

RUJUKAN

- Ahmad @ Aziz, N. & Ismail, A. (2017). Jenis-jenis emosi pesakit kanser wanita di Persatuan Kebangsaan Kanser Malaysia (PKKM) Kuala Lumpur. *Journal of Human Capital Development*, 10(2), 63-74.
- Iye, R., Tenriawali, A.Y., Azwan, S. & Buton, D. (2020). Makna dan fungsi emosi mahasiswa Kota Baubau dalam Ranah Demonstrasi. *Uniqbu Journal of Social Sciences (UJSS)*, 1(1), 25-37.
- Niedenthal, P.M. & Ric, F. (2017). *Psychology of Emotion* (2nd Eds.). Psychology Press.
- Opir, H., Yusof, M., & Abdullah, W.Y. (2021). Analisa filem Redha berdasarkan kriteria pematuhan syariah. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 7(2), 178-205.
- Scarantino, A., & De Sousa, R. (2018, September 25). *Emotion*. The stanford encyclopedia of philosophy. <https://plato.stanford.edu/Entries/emotion/>
- Sreeja, P.S. & Mahalakshmi, G.S. (2017). Emotion models: A review. *International Journal of Control Theory and Applications*, 10(8), 651-657.
- Wan Mohd Zain, W.N. (2015). *Kecerdasan emosi dalam novel Remaja* [Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Yahaya, A., Suboh, A., Zakariya, Z., & Yahya, F. (2015). *Perkembangan emosi warisan dan persekitaran* [Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Teknologi Malaysia.